

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Wednesday, September 13, 2017 2:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Abdul Shakur Bin Abdullah
Subject: PELAJAR BAHARU BERSAMA PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM)
Importance: High



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

13 September 2017 | 22 Zulhijjah 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**PELAJAR BAHARU SESI 2017/2018 BERSAMA PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN (SBM)**



SBM ONLINE : Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM UUM) terus menjadi pilihan untuk melanjutkan pengajian apabila seramai 628 orang pelajar baharu Sesi Pertama 2017/2018 mula mendaftar bagi mengikuti 4 program pengajian Sarjana Muda yang ditawarkan.

Seramai 628 orang pelajar baharu Sesi Pertama 2017/2018 Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diberi taklimat bersama Pusat Pengajian. Taklimat disampaikan oleh Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 2/1.

Secara khususnya 276 orang pelajar untuk Program Pengurusan Perniagaan, 149 orang pelajar untuk Program Pengurusan Sumber Manusia, 79 orang Pelajar untuk Program Keusahawanan dan 124 orang pelajar untuk program pemasaran.

Selain itu, tambahanya, dengan kemudahan lengkap yang disediakan, UUM terus menjadi pilihan pertama pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka kerana UUM sudah tersenarai dalam beberapa ranking dunia dan memperoleh akreditasi antarabangsa seperti AACSB.

Selain itu, beliau juga memohon agar pelajar yang mempunyai sebarang masalah di UUM untuk tampil ke hadapan dan memaklumkan kepada pihak Universiti khususnya SBM yang sentiasa bersedia untuk membantu pelajar.

Beliau turut menasihatkan pelajar agar belajar bersungguh-sungguh demi meralisasikan harapan diri sendiri, ibu-bapa, keluarga dan negara.

Sesi soal jawab turut diadakan pada taklimat tersebut bagi menjawab sebarang persoalan mengenai UUM dan isu-isu berkaitan pelajar.

Hadir sama Ketua Jabatan, penyelaras, pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan.

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.